



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

## PEKELILING DEKAN

---

BILANGAN 2 TAHUN 2020

### LANGKAH-LANGKAH KAWALAN DAN PENCEGAHAN PENULARAN WABAK VIRUS COVID-19 DI FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI (FSR)

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini memaklumkan mengenai maklumat, arahan dan peringatan kepada semua staf serta pelajar berhubung langkah-langkah kawalan dan pencegahan penularan wabak virus *Coronavirus 2019 (COVID-19)* di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR).

#### 2.0 LATAR BELAKANG

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) dan UiTM memandang serius mengenai pengisytiharan penularan jangkitan *COVID-19* sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan laporan berkaitan dengannya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Pihak KKM kini sedang mengawasi perkembangan virus ini di mana situasi sentiasa berubah dan akan mengemaskini maklumat terkini dalam laman sesawang KKM (<http://www.moh.gov.my>) dari masa ke semasa.

Sehubungan itu, Mesyuarat Pengurusan FSR pada 16 Mac 2020 telah mengarahkan kawalan pencegahan berkaitan *COVID-19* kepada semua staf dan pelajar FSR.

#### 3.0 PELAKSANAAN

Semua staf dan pelajar dinasihatkan supaya sentiasa berwaspada dan mengamalkan **kebersihan diri yang baik** dengan mengambil langkah-langkah kawalan dan pencegahan demi menghentikan penularan virus ini seperti berikut:

- a) Amalkan tahap kebersihan diri yang tinggi setiap masa seperti kerap mencuci tangan menggunakan air dan sabun @ *hand sanitizer*;
- b) Sentiasa membawa penutup mulut dan hidung (*face mask*) untuk digunakan apabila perlu;

- c) Elakkan daripada mengunjungi tempat tumpuan ramai dan bergaul rapat dengan mana-mana individu yang bergejala;
- d) Kunjungi pusat kesihatan yang terdekat dengan segera sekiranya mempunyai demam dan gejala jangkitan pernafasan untuk mendapatkan rawatan lanjut.

#### Urusan Ke Luar Negara Atas Urusan Rasmi / Persendirian:

- 3.1 Pekeliling Naib Canselor UiTM Bil 2/2020, berkuatkuasa serta merta, memaklumkan semua staf dan pelajar adalah **diwajibkan menanggungkan perjalanan** ke luar negara (termasuk perjalanan yang telah mendapat kelulusan Naib Canselor UiTM sebelum ini), terutama negara-negara yang berisiko seperti **China, Hong Kong, Taiwan, Macau, Jepun, Korea, Itali, Iran** sehingga ketetapan lain dibuat dan akan dimaklumkan dari masa ke semasa.
- 3.2 Sebarang implikasi kos yang ditanggung oleh staf/ pelajar disebabkan pembatalan/ penangguhan perjalanan ke luar negara tidak akan dibiayai oleh UiTM.
- 3.3 Sekiranya staf dan pelajar yang baharu kembali dari perjalanan luar negara (dari negara-negara yang diklasifikasikan sebagai berisiko tinggi oleh KKM) perlu menjalani *home surveillance* tertakluk kepada pengesahan pegawai perubatan. Staf dan pelajar perlu:
  - a) Memaklumkan segera kepada Pusat Kesihatan melalui e-mel [pusatkesihatan@uitm.edu.my](mailto:pusatkesihatan@uitm.edu.my) atau melalui WhatsApp di talian 019-2726949;
  - b) Menjalani *home surveillance* selama 14 hari setelah mendapat arahan daripada pegawai perubatan dan Pusat Kesihatan UiTM;
  - c) Layak memohon cuti Kuarantin (**Diri Sendiri**) bergaji penuh (Perintah Am 24 Bab C – Cuti) melalui Sistem HR2U dengan muat naik salinan surat arahan *home surveillance*;
  - d) Staf dan pelajar yang telah disahkan untuk *home surveillance* hendaklah berada di dalam kawasan rumah masing-masing dan **TIDAK BERADA** di dalam kawasan Fakulti dan UiTM.

#### Aktiviti Akademik/ Pelajar/ Pentadbiran:

- 3.5 Semua pensyarah **DIWAJIBKAN** hadir ke Fakulti seperti biasa, **KECUALI** yang tidak sihat perlu dirujuk ke fasiliti kesihatan/ Pusat Kesihatan untuk pemeriksaan lanjut.
- 3.6 Semua akademik dijalankan mengikut *mod fleksibel*, selaras dengan Polisi Penyampaian Fleksibel UiTM (Pekeliling Akademik Bil. 4/2019 dan Pekeliling Naib Canselor UiTM Bil. 4/2020) iaitu **pensyarah wajib** mengambil inisiatif mengendalikan sesi penyampaian dan pembelajaran secara dalam talian pada **minggu ke 4 dan 5 bulan Mac 2020**.

- 3.7 Semua penganjuran aktiviti sukan tempatan dan antarabangsa yang dianjurkan oleh Fakulti di dalam dan di luar kampus hendaklah **ditangguhkan**.
- 3.8 Semua penganjuran aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan di luar kampus hendaklah **ditangguhkan**.
- 3.9 Semua perkhidmatan yang dilaksanakan di Klinik Kecederaan Sukan dan Gymnasium di FSR kepada orang ramai hendaklah **ditangguhkan pada minggu ke 4 dan 5 bulan Mac 2020**, kecuali untuk aktiviti kelas praktikal kursus yang berkaitan (jika perlu).
- 3.10 Fakulti telah bersetuju untuk menubuhkan **Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan FSR (khas untuk COVID-19)** berkuatkuasa serta-merta yang dipengerusikan oleh Dekan, FSR. Segala pemakluman dan keputusan akan dimaklumkan oleh Dekan melalui aplikasi WhatsApp kepada semua staf dan pelajar.
- 3.11 Semua aktiviti berbentuk mesyuarat/ bengkel/ seminar/ konferensi/ khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh FSR **di luar kampus UiTM** hendaklah **ditangguhkan**.
- 3.12 Walau bagaimanapun, aktiviti wajib kokurikulum @ aktiviti pembangunan pelajar @ aktiviti pelajar @ aktiviti pentadbiran yang terpaksa dilaksanakan di dalam kampus demi kepentingan Universiti, boleh dijalankan seperti biasa dengan mematuhi langkah-langkah keselamatan serta kesihatan yang telah ditetapkan oleh KKM dan telah merujuk kepada Pusat Kesihatan UiTM terlebih dahulu.

#### 4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling dikeluarkan pada 16 Mac 2020.

#### 5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta.



**PROF. MADYA DR. MOHAD ANIZU MOHD NOR**  
Dekan

Dikelilingkan kepada :

Semua Staf dan Pelajar Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi  
Universiti Teknologi MARA

Bil. Fail : 100-FSR (PT.6/7/1)  
No. Siri : 022020